

# PM: Kerajaan tetap teruskan projek untuk rakyat

BH 23 MAR 1985

**BANDAR PUSAT JENGA**, Jumaat — Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan untuk faedah rakyat walaupun ada golongan tertentu memperhebatkan dakyah dan cuba meracuni fikiran rakyat.

Golongan yang tidak tahu menghargai perjuangan pembangun kerajaan itu tidak segan silu mendakwa kononnya kerajaan memperhambakan peneroka-peneroka Felda untuk kepentingan kerajaan semata-mata.

"Rakyat sendiri sedar bahawa golongan ini sengaja memutar belitkan kenyataan dan cuba meracuni fikiran rakyat serta tidak mahu mengakui kebaikan usaha kerajaan," kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Berucap di perhimpunan kira-kira 40,000 peneroka dan penduduk di sekitar Wilayah Jengka di sini hari ini beliau berkata, biarpun dakyah demi dakyah disebar, sambutan rakyat untuk menyertai rancangan Felda terus menggalak-

kan.

## Bersyukur

Menurutnya, kira-kira 9,000 pemohon masih ingin menyertai rancangan-rancangan Felda dan ia sekaligus membuktikan rakyat bersedia berhijrah menjadi peneroka tanpa prasangka bahawa mereka akan dijadikan hamba kerajaan. **Datuk Seri Dr Mahathir** dan isterinya mengadakan lawatan dua hari ke negeri ini. Pelangin ini beliau menemui rakyat di Kampung Pasir Durian.

Kerajaan katanya, tidak lagi perlu menearangkan kepada rakyat apakah sumbangan kerajaan kepada mereka, sebaliknya harus bersyukur kerana dengan usaha kerajaan, mereka menik-

mati kebahagiaan hidup melalui setiap projek pembangunan.

Beliau yang juga Presiden Umno menolak dakwaan kononnya mereka yang menyertai Umno adalah kafir dan menyifatkannya sebagai isu politik pemecah perpaduan.

## Menggerak

"Golongan politik pemecah ini suka mencetuskan kebimbangan rakyat dan meracuni pemikiran mereka dengan menonjolkan perkara-perkara yang boleh menjejaskan perpaduan.

"Semua tahu bahawa perpaduan adalah anak kunci kepada keamanan dan melalui keamanan saja kita boleh meneroka pelbagai pembangunan dan kejayaan," tegasnya.

Sementara itu, di majlis meletakkan batu asas kampus Institut Teknologi Mara (ITM) di sini beliau menegaskan, kam-

pus berkenaan akan menjadi simbol inspirasi menggerak semangat pembangunan kawasan luar bandar melalui pendidikan.

Apabila kampus itu siap, para pelajar yang berpeluang ke situ dapat menggunakan segala kemudahan untuk meningkatkan lagi kesedaran membangunkan masyarakat luar bandar.

**Datuk Seri Dr Mahathir** kemudian menyampaikan cek \$100,000 bagi pihak kerajaan negeri kepada Pengerusi Majlis ITM, **Datuk Mansor Othman**.

Turut hadir ialah Menteri Besar, **Datuk Haji Mohd Najib Tun Abdul Razak**, Menteri Kewangan Tanah dan Wilayah, **Datuk Seri Mohd Adib Adam**, Timbalan Menteri Kewangan **Datuk Sabbaruddin Chik** dan **Datuk Tan Tiong Hong** serta Timbalan Menteri Pengerangan, **Datuk Chan Slang Sun**.